



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 14

RABU 4 APRIL, 1984.

رابو 3 رجب 1404

PERCUMA

PASUKAN SULTAN JUARA POLO BAHAGIAN HIGH GOAL

JERUDONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian hadiah Perlawanan Polo Jemputan Antarabangsa Bahagian High Goal kali ke-7 di Kelab Polo Jerudong pada malam Isnin lepas.

Di majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya telah berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang dalam kejohanan tersebut.

Juara bahagian high goal kejohanan polo tahun ini ialah disandang oleh Pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, di mana pasukan Baginda tidak mengalami sebarang kekalahan.

Pasukan Perdana yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkih, juara bahagian low goal tahun ini hanya berjaya menduduki di tangga kedua setelah ditewaskan oleh Pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan memenangi empat perlawanan lainnya. Manakala juara tahun lepas Pasukan Diraja Pahang menduduki di tempat ketiga.

Sebanyak enam buah pasukan telah menyertai kejohanan ini yang terdiri daripada Pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pasukan Perdana, Pasukan Diraja Pahang, Pasukan Calatagan dari Philipina, Pasukan Australia, dan Pasukan

Cirencester Park dari United Kingdom.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Abdullah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkih, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkih, dan Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman, serta lain-lain kerabat Diraja.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Menteri Hal-Ehwal Luar Denmark Tuan Yang Terutama Uffe Ellemann Jensen dan isteri, yang sedang mengadakan lawatan rasmi dua hari ke negara ini serta lain-lain Pegawai Kanan Kerajaan.

D.Y.M.M. Pmk. Raja Pahang berangkat pulang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah dan Yang Amat Mulia Raja Muda Pahang Tengku Abd. Rahman telah berangkat pulang hari



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menyampaikan Piala Readings and Bates yang dimenangi oleh Pasukan Perdana yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih.

10 pasukan ke peringkat akhir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Nasyid Peringkat Separuh akhir yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bersempena dengan sambutan Israk dan Mekraj tahun ini telah berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di Batu 1½,

Jalan Tutong pada hari Ahad 1 April lepas.

Sebanyak lapan belas pasukan nasyid dari seluruh negara telah menyertai pertandingan tersebut, lapan dari Brunei dan Muara, empat dari Daerah Belait, dua dari Temburong dan empat dari Tutong.

Kumpulan Nasyid Nurul Huda dari Kampong Sungai Kedayan 'B' telah muncul sebagai johan bahagian laki-laki. Naib johan disandang oleh Kumpulan Kelas Dikir Laila Mufakat (Perkasa). Manakala tempat ketiga disandang oleh Kumpulan Nasyid Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, ketiganya dari Daerah Brunei dan Muara. Tempat keempat ialah kumpulan Nasyid Badan Sukan dan Kebajikan (BENARA), Kuala Belait dan kelima dimenangi oleh wakil dari Tutong iaitu Kumpulan Nasyid Badan Kebajikan Pejabat Ugama dan Guru-Guru Ugama Tutong.

Bahagian perempuan pula dijuarai oleh Kumpulan Nasyid Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Naib Johan disandang oleh kumpulan nasyid Kelas Dikir Kampong Burong Pinggai Ayer kedua-duanya dari Daerah Brunei dan Muara. Tempat ketiga ialah kumpulan Nasyid Kelas Dewasa

Kampong Puni Temburong, keempat pula disandang oleh kumpulan Al-Wardah Sekolah Ugama Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan menduduki tempat kelima ialah kumpulan nasyid Kelas Dewasa Quran Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan juga dari Brunei Muara.

Acara pagi itu bermula dengan ucapan Timbalan Pengerusi sambutan Ustazah Dayang Aisah bte OML Haji Mohd. Yusof. Manakala hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Awang Haji Ibrahim bin POKIL (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Pengerusi sambutan.

Sepuluh pasukan yang telah terpilih itu akan beradu nasib di peringkat akhir yang dijangka akan diadakan pada 27 April depan di Dewan Raya Radio dan Televisyen mulai jam 8.30 malam.

MANISNYA IMAN

"HAK kewajipan seorang Muslim terhadap sesama Muslim ada lima: Menjawab salam, melawat orang sakit, menghantar jenazah, mendatangi undangan dan menyambut doa orang yang bersin." — HADIS Nabi riwayat Bokhari dan Muslim dari Abu Hurairah radiallahu an.

Brunei — Republik Maldives bentuk hubungan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam bersetuju untuk membentuk hubungan Diplomatik dengan Kerajaan Republik Maldives mulai 31 Mac 1984.

Keputusan untuk membentuk hubungan diplomatik di peringkat Suruhanjaya Tinggi itu bertujuan untuk memperkembangkan dan mengukuhkan hubungan persaudaraan yang telah wujud antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Maldives.

Pindaan Peraturan Lalulintas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Undang-Undang memaklumkan bahawa bagi kemudahan dan kepenyingan pemandu, satu pindaan telah dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kepada peraturan-peraturan lalulintas jalan raya yang akan membolehkan Jabatan Pengangkutan Darat mengeluarkan lesen memandu yang sah bagi tempoh tiga tahun. Ini adalah sebagai tambahan kepada lesen memandu tahunan yang dikeluarkan pada masa ini.

Di bawah pindaan-pindaan ini yuran-yuran bagi pengeluaran lesen-lesen memandu akan dinaikkan. Bagi lesen memandu tahunan yuran akan dinaikkan daripada \$1.00 kepada \$10.00 manakala yuran bagi lesen memandu bagi-tiga tahun pula ialah \$30.00.

Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan mulai 1 Julai 1984.

LAWATAN T.Y.T. MENTERI HAL-EHWAL LUAR DENMARK KE BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Hal-Ehwal Luar Denmark, Tuan Yang Terutama Tuan Uffe Ellemann Jensen dan Puan Alice Vestergaard serta ahli rombongan seramai 12 orang telah tiba di negara ini pada pagi Ahad lepas bagi lawatan selama dua hari.

Ketibaan beliau dan rombongan telah dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah.

Juga berada di Lapangan Terbang Antarabangsa ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Di hari pertama, Tuan Yang Terutama dan rombongan telah mengadakan lawatan ke Kampong Ayer dan seterusnya di sebelah malam menghadiri makan malam di Kelab Polo, Jerudong Park.

Di hari kedua, Tuan Yang Terutama dan rombongan telah mengadakan perjumpaan muhibah dengan pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bertempat di Bilik Persidangan, Jabatan Perdana Menteri.

Setelah itu rombongan itu kemudiannya dibawa menaiki helikopter Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi melihat berbagai pemandangan ibu negara dari udara dan seterusnya dibawa melawat ke Rumah Panjang Mapol di Daerah Tutong.

Di sebelah petang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Menteri Hal-Ehwal Luar Denmark, Tuan Uffe Ellemann dan Kuasa Usaha Tetap Denmark Tuan Kay R.D. Gad di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama dan rombongan telah juga mengadakan lawatan ke Masjid Omar Ali Saifuddin.

Tuan Yang Terutama berlepas pulang pada petang Isnin² mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa ialah Menteri Undang-Undang dan Menteri Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas dan Datin Masni.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah mengalu-alukan ketibaan Menteri Hal-Ehwal Luar Denmark, Tuan Yang Terutama Uffe Ellemann Jensen dan Puan Alice Vestergaard di Lapangan Terbang Antarabangsa pada hari Ahad lalu.



TUAN Yang Terutama Uffe Ellemann Jensen dan rombongan ketika mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman, Menteri Pembangunan di Bilik Persidangan Jabatan Perdana Menteri (atas).

Manakala gambar bawah kelihatan isteri Tuan Yang Terutama, Puan Alice Vestergaard sedang bertanyakan sesuatu mengenai salah satu alat perhiasan yang terdapat di Masjid Omar Ali Saifuddin kepada Dayang Hajjah Zalina salah seorang pegawai di Jabatan Hal Ehwal Ugama.



TUAN Yang Terutama Menteri Hal-Ehwal Luar Denmark dan Isteri ketika melawat ke Rumah Panjang Mapol di Daerah Tutong.



TUAN Yang Terutama Menteri Hal-hwal Luar Denmark dan rombongan semasa mengadakan lawatan ke Masjid Omar Ali Saifuddin.

Latihan pengembaraan di Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 14 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dari Pusat Latihan akan membuat latihan pengembaraan di Indonesia selama seminggu.

Rombongan yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah Pusat Latihan ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Bijaya Lt. Colonel Dato Paduka Haji Hussin bin Haji Sulaiman itu akan bertolak ke Indonesia pada hari Sabtu 7 April.



Y.B. Menteri Pelajaran dan Kesihatan ketika melawat salah sebuah bilik darjah di maktab tersebut.

Menteri Pelajaran lawat Maktab SOAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz telah mengadakan lawatan ke Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada hari Khamis lepas.

Ini adalah lawatan yang julung-julung kali oleh Yang Berhormat itu sejak memegang jawatan Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Sejurus ketibaan Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan ke

jaran dan Kesihatan ke Maktab tersebut, beliau telah dibawa ke bilik khutubkanah sebelum dibawa melawat ke makmal sains, bilik lukisan, bilik komputer dan meninjau ke beberapa buah bilik darjah dan mengadakan perbincangan dengan pengetua serta guru-guru.

Menyertai rombongan lawatan itu ialah Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abd Saman bin Kahar dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Pelajaran.

BANGUNAN KELAB RIA SHELL DIRASMI

SERIA. — Dalam hasrat untuk menyatupadukan kesenian dan kebudayaan para pekerja dan kakitangan Shell Brunei dari berbilang bangsa dan keturunan yang terdiri dari kebudayaan Melayu, China dan Dayak di bawah satu bumbung Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad maka ke arah itu syarikat tersebut membina sebuah bangunan baru Kelab Ria Shell Brunei dengan belanja \$21.5 juta.

Perasmian Kelab Ria

Shell Brunei yang baru telah disempurnakan oleh Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, bertempat di bangunan tersebut F12, Lorong 10 Barat, pada petang hari Sabtu lepas. Sebelum itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Dipertua Kelab Ria Shell Brunei, Awang Abd. Ghapor bin Sharbini.

Pembinaan kelab

tersebut telah bermula pada bulan Mei 1982 dan siap pada penghujung bulan lepas. Di antara kemudahan yang terdapat di kelab itu ialah bilik pentadbiran, dewan utama, bilik permainan dalam, kompleks sukan, bangunan kebudayaan Melayu, dewan kebudayaan China, restoran dan lainnya.

Ketika ini Kelab Ria Shell Brunei mempunyai keramaian ahlinya 7,000

orang. Bangunan awal Kelab itu ialah di Kuala Belait di atas tapak di mana terletak Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin pada masa ini yang mana ketika itu ianya dikenali sebagai Kelab Ria Belait.

Kelab Ria Belait ditubuhkan oleh Syarikat Minyak British Malayan bagi kakitangannya dalam kategori 'Senior Asiatic Staff' sebelum perang dunia kedua. Apabila berlaku semula pemuliharaan padang minyak sesudah perang dalam tahun 1946, kelab tersebut dibentuk semula oleh Syarikat MBM Berhad. Bekas tapak kelab itu ialah berhadapan dengan perumahan jururawat di Lorong F 13, Seria.

Di akhir tahun 40an dan awal 50an ahli-ahli kelab pada keseluruhannya terdiri dari orang-orang asing yang dikenali sekarang orang-orang Asia. Apabila keahlian kelab tersebut dibuka kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli-ahli perniagaan terkemuka di Seria dan Kuala Belait maka keputusan telah dibuat untuk mengubah nama kelab itu kepada Kelab Ria Shell sebagai kaitannya dengan syarikat ketika itu yang dikenali sebagai Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad. Kelab tersebut telah berpindah ke bangunan tapaknya yang ada sekarang pada tahun 1957.

Antara yang hadir pada hari itu ialah Penolong Pegawai Daerah Belait Pg Alihassan bin Dato Seri Laila Jasa Pg Haji Abas, Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Peter Everett, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan pegawai-pegawai kanan Shell Brunei. Doa selamat dibacakan oleh Kadi Daerah Belait, Awang Haji Salim Awang Besar.

Amaran Bomba

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Bomba menasihatkan orang ramai bahawa disebabkan oleh keadaan kemarau pada masa ini, mereka hendaklah berhati-hati terhadap bahaya kebakaran hutan.

Amaran tersebut dikeluarkan berikutan kejadian kebakaran hutan dan rumput-rumpai di beberapa bahagian di negara ini.

Menurut Jabatan Bomba orang ramai diminta berhati-hati apabila hendak membakar tebasan, membuat parunan dan membakar sampah sarap.

Mengenai dengan membakar tebasan, orang ramai diminta mendapatkan nasihat dari Jabatan Bomba, sebelum melakukan pembakaran kawasan.

Di samping itu, orang ramai juga diingatkan supaya berhati-hati apabila membuang pontong-pontong rokok.

Brunei tarik diri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam telah menarik diri dari menjadi tuan rumah kepada Sukan Tenggara Asia SEA GAMES kali yang ke-13 yang akan diadakan dalam bulan Disember tahun depan.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada minggu lalu, keputusan tersebut dibuat berdasarkan kepada kekurangan kelengkapan dan tenaga untuk mengendalikannya.

Keputusan untuk menarik diri dari menjadi tuan rumah sukan tersebut telah pun disampaikan kepada Presiden Majlis Sukan Tenggara Asia pada 12 Mac yang lalu.



Pg. Ali Pg. Haji Ahmad

Pengurus Perdagangan RBA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lagi anak tempatan dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus dalam Syarikat Penerbangan Diraja Brunei. Beliau ialah Pg. Ali bin Pengiran Haji Ahmad yang telah dilantik sebagai Pengurus Perdagangan mulai 1 April, 1984. Pengiran Ali menggantikan Awang Peter North yang telah menyafatkan jawatan tersebut sejak tiga tahun yang lalu. Awang Peter North bagaimanapun masih berkhidmat dengan RBA buat beberapa ketika sebagai penasihat.

Pengiran Ali memasuki Jabatan Perdagangan apabila syarikat ini memulakan perkhidmatannya dalam tahun 1975. Beliau mula memegang jawatan sebagai wakil penjualan dan mencapai kejayaan melalui berbagai jabatan dan jawatan.

Sebelum dilantik ke jawatan barunya, Pengiran Ali memegang jawatan sebagai Pengurus Perancangan.

Pengiran Ali telah menghadiri beberapa kursus perdagangan penerbangan dan seminar di Manila, Bangkok, Singapura, Seattle dan London.

Hadiri Seminar media massa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam telah menghantar dua orang pegawai bagi mengikuti seminar lima hari di antara pegawai-pegawai media masa negara-negara anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dengan masyarakat Eropah (EC) di Jakarta mulai hari Isnin 2 April, 1984.

Mereka ialah Pengarah Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dan seorang Pegawai Akhbar dari

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Ahmad Ghazali bin Haji Tengah.

Seminar tersebut adalah dianjurkan oleh satu badan media Jerman Barat.

Mesyuarat agung Persatuan Layar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Layar Melucur Angin Kebangsaan Brunei (National Windsurfing Association) akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang pertama bertempat di Bilik Bacaan Pusat Belia pada 8 April jam 8.00 pagi.

Mesyuarat tersebut akan dibuka rasmi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah

Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar selaku Penaung persatuan tersebut.

Antara lain tujuan mesyuarat adalah bagi melantik ahli-ahli jawatankuasa Persatuan yang baru.

Kepada semua ahli-ahli dan yang berminat adalah dipersilakan hadir ke majlis ini.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

PEMBANTU RUMAHTANGGA BUKAN ISLAM

HUKUM mengambil seorang pekerja yang bukan beragama Islam untuk menjadi pembantu rumah bagi orang Islam, mengasuh anak, memasak, mencuci dan menggosok pakaian, dan mencuci kereta ataupun semuanya tugas-tugas di atas kecuali memasak makanan untuk majikan sekeluarga tetapi masih juga menyediakan dan memberi makanan dan minuman anak-anak majikan yang masih kecil seperti membuat susu dan sebagainya, perkara ini timbul atas desakan keadaan kerana suami dan isteri bekerja di Jabatan-Jabatan Kerajaan atau Swasta, isteri yang dhaif dan mempunyai penyakit yang menghalang dari membuat tugas-tugas rumahtangga atau isteri ini terdiri dari golongan

yang biasa mempunyai pembantu sewaktu masih bersama ibu bapanya dan kesukaran mendapatkan pembantu-pembantu yang beragama Islam.

Sayugialah dipilih dan dicari pelayan-pelayan Islam yang beragama dan beribadat yang tahu halal haram dan takutkan Allah Ta'ala supaya kerja-kerja di rumah itu membawa berkat dan kebajikan ke atas tuan rumah dan ke atas anak-anak dan penduduk-penduduk rumah itu, kerana pelayan Islam yang beragama dan amanah itu akan memasak makanan dan menyediakan makanan dan minuman dengan cara yang suci dan halal dan ia membasuh pakaian dengan cara yang suci dari najis dan mengikut hukum Syarak, ia tahu bagaimana

Siri ke-220

membasuh pakaian yang terkena najis, kerana pengetahuannya terhadap halal haram itu maka ia memberi anak-anak makanan dan minuman yang halal bukan makanan yang najis, tanpa payah diawasi oleh ibu bapa terhadap layanannya kepada anak-anak itu.

Biasanya orang Islam itu ikhlas kepada orang Islam, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya:

"Pelayan itu menjaga harta tuannya dan ia bertanggungjawab di atas apa yang ia jaga itu." Dirwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim.

Dari sahabat Abu Said

Al-Khudrey radiallahu anhu daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda (yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud) yang ertinya:

"Jangan kamu berkawan melainkan dengan orang yang beriman, dan jangan makan makanan kamu melainkan orang yang takutkan Allah Ta'ala makan makanan kamu."

Daripada Sahabat Abu Musa radiallahu anhu telah berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Khudrey dan Muslim) yang ertinya:

"Orang Mukmin itu nisbah kepada orang Mukmin yang lain, sebagai suatu bangunan,

masing-masing itu menyokong dan menguatkan kedudukan setengah akan setengahnya, sebagaimana suku-suku dan alat-alat bangunan itu menyokong dan menguatkan kedudukan bangunan itu dari roboh dan runtuh."

Dari Hadis-Hadis ini nyatalah bahawa kita dituntut mencari pelayan dan pembantu daripada kalangan orang Islam, orang beriman, orang takutkan Allah Ta'ala, orang yang amanah, tiada khianat pada harta benda tuan rumah dan majikan, dan pilihlah pelayan-pelayan yang tahu agama dan hukum-hukum agama, supaya mereka membawa berkat dan kebajikan kepada rumah, tuan rumah dan kepada anak-anak dan keluarga

keluarga tuan rumah dengan memberi nasihat dan tunjuk ajar berupa agama dan memberi makanan yang suci tiada najis dan halal kepada penduduk-penduduk sebuah rumah itu.

Tetapi kiranya tiada diperolehi pelayan-pelayan yang beragama Islam maka bolehlah diambil pelayan-pelayan (pembantu) bukan Islam dengan syarat tuan rumah mengawasi kerja-kerja rumah yang dilakukannya, mengajar mereka cara menjauhi najis, dan cara mencuci benda yang kena najis pada makanan dan minuman, pakaian, alat-alat dapur dan perabot rumah.

WALLAHUAKLAM

AL-QURAN PERLEMBAGAAN HIDUP

BERAKAS. — Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menganjurkan pertandingan membaca Al-Quran sebagai projek tahunan bagi anggota-anggota pasukan tersebut bertempat di Padang Kawat 'A' Perkhemahan Bolkliah pada malam Jumaat lepas.

Tema pertandingan 'Al-Quran Sebagai Perlembagaan Hidup Manusia' dan sebanyak tiga orang peserta lelaki dan wanita turut bertanding. Johan qari disandang oleh 7552 AM Sharuddin bin Haji Abd. Wahid dari Pasukan Askar Muda, naib johan, Pg. Ayub bin Pg. Sulaiman dari Kerahantenaga Awam.

Bahagian Qariah, johan ialah Dyg. Misnah binti Sali dari Kerahantenaga Awam dan naib johan, 20030 Sld. Dyg. Asmah binti Haji Omar Ali dari Kompeni Askar Wanita. Johan Qari dan Qariah akan mewakili pasukan tersebut ke Peringkat

Musabaqah Tilawatul Quran Antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan diadakan kemudian.

Sebelum itu perasmianya telah disempurnakan oleh Dato Paduka Awg. Haji Ali bin Mohd. Daud, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Turut menyampaikan ucapan alu-aluan ialah Pengerusi Pertandingan, Mejar Sharbini bin Sunggoh.

Majlis pada malam itu juga diserikan dengan pukulan hadrah oleh anak-anak askar ABDB seramai 50 orang dan persembahan nasyid dari koir

Pasukan Pancaragam ABDB. Turut mempersembahkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran ialah adik Dk. Hartini binti Pg. Bidin, johan kanak-kanak membaca Al-Quran Perkhemahan Bolkliah.

Hadiah kepada pemenang-pemenang disampaikan oleh YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya, Lt. Kol. Dato Paduka Awang Haji Hussain bin Haji Sulaiman, Pegawai Pemertintah Pusat Latihan Perkhemahan Bolkliah, ABDB. Doa selamat dibacakan oleh Ustaz Haji Metussin bin Haji Baki, Pegawai Penasihat Agama ABDB.

PENGUMUMAN

ADALAH diberitahu kepada orang ramai yang berhajat hendak memohon tanah di bawah Skim Permohonan Tanah Bagi Rakyat Jati Yang Tidak Bertanah, mereka adalah dikehendaki mengem-balikan borang-borang permohonan berkenaan ke Pejabat-Pejabat Tanah yang berhampiran pada waktu pejabat dibuka seawal-lewatnya pada hari Isnin 30 April 1984 ini bagi membolehkan pihak-pihak

berkenaan memproses permohonan-permohonan tersebut untuk peringkat pertama dalam Skim Pemberian Tanah ini.

Adalah jua dimaklumkan, borang-borang permohonan yang diterima lewat daripada tarikh yang disebutkan itu akan diterima dan diproses untuk dipertimbangkan bagi skim-skim di peringkat kedua ataupun yang berikutnya.

Skim latihan mencegah kebakaran

TARIKH	HARI	JAM	NAMA KAMPONG/JABATAN KERAJAAN
22.4.1984	Ahad	4.00 petang	Kampung Bukit Pangkal, Tutong
27.4.1984	Jumaat	4.00 petang	Kampung Batu Marang (Pasukan 'B')
27.4.1984	Jumaat	2.00 petang	Kampung Sengkarai, Tutong
30.4.1984	Isnin	5.00 petang	Kampung Panchor Papan, Tutong

BALAI BOMBA YANG MENGENDALIKAN	PASUKAN BERTUGAS	TEMPAT LATIHAN
Balai Bomba Tutong.	'C'	Kampung Penabai (D'Surau).
Balai Bomba Pusat.	'A'	Jerudong Park.
Balai Bomba Tutong.	'B'	Kampung Bukit Pangkal.
Balai Bomba Muara.	'A'	Kampung Batu Marang.
Balai Bomba Tutong.	'A'	Kampung Sengkarai.
Balai Bomba Tutong.	'A'	Kampung Panchor Papan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemborong Bangunan Brunei telah mendermakan sebanyak \$7,000.00 kepada Tabung Orang-Orang Buta.

Derma tersebut telah disampaikan kepada ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat, Dayang Zaleha bte Haji Mohiddin oleh salah seorang ahli jawatankuasa persatuan itu, Awang Yee Shau Kai.

Penyampaian derma tersebut diadakan di Pejabat Pegawai Kebajikan Masyarakat pada hari Rabu lalu.

**Persatuan
Pemborong
derma
\$7,000.00**

Angka tunjuk Februari lebih tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Februari 1984 ialah 140.7 mata dan ini adalah lebih tinggi sebanyak 0.4 peratus daripada angka tunjuk bulan Januari, 1984. Jika dibandingkan pula dengan angka tunjuk bulan yang sama dan tahun yang terdahulu, iaitu Februari, 1983, angka tunjuk bulan ini

juga adalah lebih tinggi sebanyak 0.8 peratus.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah hanya disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk kumpulan 'makanan' (0.9%), terutamanya kerana meningkatnya harga-harga ikan (3.5%) dan buah-buahan (1.5%). Angka tunjuk harga kumpulan-kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Barang-barang dalam kumpulan 'Makanan' yang menyebabkan kenaikan harga angka tunjuk bulan ini ialah beberapa jenis ikan, iaitu tenggiri, barah-barahan, ikan merah, bekalgan dan tamban, buah-buahan, terung, bawang dan kayu manis. Bagaimanapun, kenaikan harga barang-barang ini telah diimbangi sedikit oleh harga kacang panjang, udang, bakulan dan temenong besar yang lebih murah.

Lawatan ke Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha baru-baru ini telah menerima kunjungan dari 20 orang pegawai-pegawai dan kakitangan Hospital Panaga Seria.

Sebelum dibawa melawat ke beberapa bahagian rumah sakit tersebut, para pelawat itu diberi penerangan ringkas berkenaan dengan pentadbiran Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha oleh Ketua Jururawat, Hajjah Rokiah bte Haji Zakiah bertempat di bilik Persidangan Pusat Kakitangan Perubatan di sini.


Kemudiannya mereka dibawa melawat ke beberapa bahagian yang termasuk Unit Rawatan Intensif, Unit Perubatan, Unit Buah Pinggang, Unit Rawatan Khas Anak Damit dan lain-lain bahagian — ZHS.



PELAWAT-PELAWAT dari Hospital Panaga ketika dibawa melawat ke Wad Rawatan Khas Anak Damit.

UMAT ISLAM MUNDUR KURANG PERPADUAN

KHUTBAH JUMAAT



MARILAH kita sama-sama bertakwa mengamalkan hukum dan perintah Allah di dalam ibadat dan menjauhi sejauh-jauhnya apa-apa yang dilarang-Nya.

Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Belia Islam bagi Asia Tenggara dan Pasifik anjuran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan kerjasama Majlis Dakwah Islamiah Serantau Bagi Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) dan Perhimpunan Belia Islam Sedunia (WAMY).

SEMANGAT PERPADUAN

Persidangan itu telah dihadiri oleh 16 buah negara yang masing-masing diwakili oleh para cendekiawan dan pemimpin-pemimpin di negara masing-masing. Kehadiran mereka itu tidak syak lagi adalah menandakan wujudnya semangat perpaduan umat Islam yang tinggi di dalam usaha untuk memelihara serta memestikan lagi dakwah Islamiah di

kalangan negara-negara yang terlibat pada khususnya.

Tema persidangan berbunyi: "BELIA DAN IDENTITI". Tema ini dipilih berdasarkan golongan belia Islam adalah merupakan golongan yang terbesar di dalam masyarakat Islam pada keseluruhannya. Mereka adalah tenaga dan sumber ilham serta kekuatan yang tidak dapat disangkal-sangkal. Kerana itulah tujuan persidangan ini telah mencatatkan antara lain untuk memahami Islam itu dengan lebih jelas serta menekankan peranannya di dalam perkembangan belia.

LANCAR MENYEBUT

Pemahaman mengenai agama Islam sangatlah penting, faham dalam makna bukan sekadar lancar menyebut kalimah 'Islam' itu tetapi lebih penting lagi ialah faham akan konsep yang dibawanya iaitu untuk kebahagiaan dunia dan akhirat, untuk menyelamatkan siapa sahaja yang mempercayainya tidak kira apa bangsa dan warna kulit. Yang penting dia percaya, beriman dan beramal dengan apa yang dipercayainya itu.

Inilah antara lain matlamat yang hendak dituju oleh persidangan selama lapan hari itu iaitu bagi menjiwai kefahaman umat Islam terhadap ugamanya yang mulia ini

supaya kita bertambah-tambah yakin, bertambah teguh dan kuat perpaduan umat Islam dalam menghayati dan mengamalkan perintah Allah di dalam kehidupan kita.

MENGAPA MUNDUR DAN LEMAH

Kita yakin manakala umat Islam itu kuat pegangannya, luas serta dalam fahaman Islam mereka maka sudah barang tentu akan kuat pulalah kedudukan mereka. Sebagai bukti lihat sahaja keadaan umat Islam hari ini, masih mundur dan lemah. Mengapa? Adakah kerana umat Islam miskin? Jawabnya tidak mesti begitu bahkan kenyataan adalah menunjukkan bahawa banyak negara-negara Islam yang kaya, Allah Taala beri kepada mereka kekayaan, yang setengahnya bentuk atau jenis kekayaan itu sangat luar biasa sehingga tidak ada pada orang lain tetapi nasib umat Islam masih tidak banyak juga yang berubah.

Mengapa hal ini berlaku? Tentulah ada sebab-sebabnya yang besar. Di antaranya ialah bahawa umat Islam sebenarnya telah sekian lama tidak lagi pernah bersatu sebagaimana kesatuan yang pernah wujud di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di antara orang-orang Islam Muja-jirin dan orang-orang Islam Ansar. Zaman sekarang orang-orang Islam berpecah-belah, mereka bergaduh sesama sendiri. Jadi bagaimanalah Allah akan mengizinkan kita untuk kuat, sedang perintah-Nya yang menyuruh kita bersatu, berpegang teguh kepada agama-Nya, jangan bercerai-berai, tidak kita ikut dan patuhi. Cuba perhatikan ayat ini, yang selama ini banyak diabaikan oleh orang Islam Surah Ali-Imran ayat 103 yang tafsirnya:

"Dan berpegang

teguhlah kamu semua dengan tali Allah (Al-Quran atau ugama, Islam), dan janganlah kamu berpecah-belah. Ingatlah kurnia Allah kepada kamu, ketika kamu dahulu dipersatukannya hati-hati kamu (di dalam ugama Allah), sehingga dengan kurnia Allah itu kamu menjadi bersaudara dan kuat."

MENGAPA TIDAK PATUH

Apakah sebab-sebabnya kita tidak mematuhi perintah-perintah Allah? Jawapannya antara lain, termasuklah kerana kita tidak faham akan harga ajaran atau perintah itu, akan rahsia dan hikmatnya. Jika kita tidak faham atau sempit fahaman kita terhadap Islam maka iman juga akan turut terjejas dan lemah. Sedang sumber rahmat, sumber nikmat Allah itu ialah percaya kepada-Nya, percaya pada ajaran dan suruhan agama-Nya, bukan percaya di lidah sahaja tetapi percaya sehingga ke lubuk jiwa dengan menghasilkan bukti yang berupa amal dan perbuatan salih.

Ini dia, apa pun rancangan atau program-program keagamaan itu adalah bertujuan untuk menuju amal salih, meningkatkan kefahaman kita supaya kekal dalam takwa, rajin beribadat, gemar dan rindu kepada syurga Allah, takut dan benci kepada neraka-Nya.

Kita berharap dan berdoa mudah-mudahan Allah memperkenalkan maksud dan niat baik Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada menganjurkan persidangan yang besar ini dalam memberikan kefahaman yang sewajarnya tentang Islam kepada para belia kita pada khususnya, kuat semangat ugama, meningkat takwa dan amal salih untuk selama-lamanya.

NIAT YANG BAIK TIGA BAHAGIAN

UNTUK melakukan suatu amal atau perbuatan itu tentulah telah didahului oleh niat. Dalam konteks ini niat adalah dua bahagian.

Pertama: Amal yang ikhlas

Kedua: Amal yang tidak ikhlas

Kedua-dua bahagian amal ini pada zahirnya sama sahaja keadaannya, tetapi pada batinnya terdapat perbezaan dan jurang disebabkan berlainan niat atau qasatnya.

Amal yang didasarkan kepada niat yang baik dan ikhlas, diterima oleh Allah dan diberikan ganjaran pahala. Imam Nawawi telah menerangkan mengenai amal yang didasarkan dengan niat yang baik itu dan dibahagikan kepada tiga bahagian.

1. Amal yang dikerjakan kerana takut kepada azab Allah. Amal ini dinamakan Ibadat Hamba.

2. Amal yang dikerjakan kerana mendapatkan syurga dan pahala, amal ini dinamakan Ibadat Saudagar.

3. Amal yang dikerjakan kerana malu kepada Allah dan kerana melaksanakan hak kehambaan dan membuktikan kesyukuran serta merasakan diri sebagai seorang yang masih di dalam kecuaihan dan kebimbangan yang penuh ketakutan kerana tidak tahu adakah amalannya diterima atau tidak? Amal ini dinamakan ibadat orang yang merdeka, dan inilah rupa amal ibadat yang dimaksudkan oleh Rasulullah sewaktu Baginda menjawab sungutan Baginda menjawab sungutan Aishah

Menuju keredaan Allah

radiallahu anha yang berkata: "Mengapa Rasulullah bersusah payah berdiri sembahyang waktu malam hingga bengkok-bengkok kedua belah kaki Baginda, padahal Allah telah mengampunkan dosanya yang lalu dan yang akan datang. Dalam hal itu Rasulullah menjawab sabdanya:

"Tidaklah patut aku menjadi hamba yang bersyukur."

Demikianlah ketiga-tiga bahagian amal itu dinamakan amal ibadat orang yang ikhlas.

Pada kesimpulannya, segala perbuatan atau amal ibadat yang ikhlas dan jujur itu adalah semata-mata diniatkan kerana Allah Subhanahu Wataala jua.

Berfirman Allah Subhanahu Wataala yang ada hubungan dengan amal dan yang diniatkan semata-mata kerana Allah bukan kerana manusia atau kerana mengharap balasan atau sanjungan:

Kira-kira tafsirnya: "Barangsiapa mengharap pertemuan Tuhan (Allah) maka hendaklah ia kerjakan amal salih (baik) dan janganlah ia seketukan seseorang pun di dalam beribadat kepada Tuhan." (Surah Al-Kahf, ayat 10).

Pameran senilukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pelukis Brunei akan mengadakan Pribu Pameran Senilukis bersempena menyambut Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Pameran tersebut akan berlangsung di Balai Pameran Muzium Brunei selama dua minggu mulai 10 April.

Ahli-ahli Persatuan yang ingin menghantar karya-karya hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 8 April, 1984. Segala keterangan lanjut boleh didapati daripada Setiausaha Agung, Awang Nor Ariffin Md Yassin,

Radio Televisyen Brunei atau Dayang Zaleha bte Haji Kaprawi, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei telah memperkenankan kenaikan pangkat Pemangku Mejar Awang Suhaili bin Timbang ke pangkat Mejar mulai 29 Mac 1984.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4 April, 1984 hingga ke hari Selasa 10 April, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
4-5	12.29	3.43	3.44	6.32	6.33	7.44	7.45	5.02	4.48	5.03	6.17	6.18
6-10	12.28	3.42	3.43	6.31	6.32	7.43	7.44	4.59	4.46	5.00	6.15	6.16

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

SISTEM KOMPUTER UNTUK PENDAFTARAN DI DAERAH BELAIT.

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Belait akan menggunakan komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan-punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Kuala Belait atau Pejabat Penaksir Tanah di Bandar Seri Begawan dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA.	LETAK TANAH.	2345	2519		
8164	8578	Pg. Aliuddin bin Pg. Tengah	Madang, Berakas.	2359	3493	Poi Lam	Terawan, Labi.
8172	8586	Kong En Choi	Pusar Ulak.	2387	3493	Siput bin Pulut	Lutong, Kuala Belait.
8172	8586	Dyg. Chuchu bte Awg. Hussin	Pusar Ulak.	2392	2392	Chong Bon Hoo	Sungai Liang.
8172	8586	Chong Tau Fah	Pusar Ulak.	2395	2395	Lo Jee Ing	Lumut, Sungai Liang.
8177	8591	Wahab bin Serudin	Salambigar.	2405	2405	Sujin bin Lami	Sungai Damit, Kuala Belait.
8184	8598	Hj Rajab bin Hj Duraman	Randangan.	2411	2411	Tan Choo Yoke	Kuala Belait.
8185	8599	Aman bin Jaluddin	Kulapis.	2414	2582	Halimah bte OKPD Haji	Kuala Belait.
8200	8614	Tan Mee Len (I/C No. 044130 Kuning)	Gadong.	2436	2436	Abg Bujang	Sungai Liang.
8203	8617	Sadiah bte Hj Hitam (I/C No. 051182 Kuning)	Sengkurong.	2439	2439	Bunta bin Rajah	Pandan, Kuala Belait.
8205	8619	Sabtu bin Md. Said	Lambak, Berakas.	2440	2440	Sim Yin Su	Kuala Belait.
8209	8623	Jalal bin Sulaiman	Masin.	2442	2590	Tan Choon Seng	Kuala Belait.
8229	8643	Awg. Chuchu bin Awg. Seruddin	Lambak, Berakas.	2492	2590	Tsz Shuen Sung	Kuala Belait.
8232	8646	Hassan bin Mohamed (I/C No. 032996 Kuning)	Batang Paling, Kiulap.	2520	2357	Fong Kon Loi	Lubok Palam, Kuala Belait.
8243	8657	Hj Md. Hussain bin Hj Sidek @ Hj. Mohamad	Sungai Gadong, Menglait.	2531	2630	Pang Hin Khui	Pandan, Kuala Belait.
8273	8687	Sidi bin Hj Mat	Jerudong.	2531	2630	Teo Keng Seng	Kuala Belait.
8274	8688	Saindah bte Hj Aman (I/C No. 012683 Kuning)	Bubohan, Kilanas.	2739	2647	Ngau Ah Chin	Kuala Belait.
8277	8691	Dyg. Norjah bte Hj Abd. Jalil (I/C No. 015566 Kuning)	Lambak, Berakas.	2753	2753	Law Ah Lee	Tunggulian, Sungai Liang.
8286	8700	Hj Hamidoo bin Awg Damit	Bukit Sador, Tanjong Nangka.	2763	2845	Bolhassan bin Salleh	Kuala Lumut, Sungai Liang.
8289	8703	Puasa bin Muamat	Kulapis.	2764	2846	Pg. Yusof bin Pg. Ahmad	Sungai Liang Basar.
8292	8706	Bakar bin Bakari (ABDB No. 3643)	Maribong.	2767	2849	Andin bin Pengasau	Kg. Keluyoh, Bukit Sawat.
8300	8714	Kadir bin Hj Nasir	Maribong.	2771	2853	Ibrahim bin Ismail	Sungai Tali, Lumut.
8301	8715	Ahmad bin Mail	Kasat.	2772	2854	Hashim bin Adil	Lubok Tapang, Kuala Belait.
8302	8716	Latip bin Mat Daud	Kasat.	2781	2863	Haji Mat Ahmed	Sungai Tali, Sungai Liang.
8302	8716	Awg. Randah bin Dollah	Labi.	2784	2866	Ibrahim bin Haji Daud	Sungai Tali, Sungai Liang.
1	234	Timah bte Badar	Labi.	2797	2764	Lee Chui Kong	Seria.
1	234	Rokiah bte Ismail	Kuala Belait.	2800	2882	Rabiah bte Sudin	Sungai Gana, Liang.
6	20	Amit bte Sanyah	Rampayoh, Labi.	2808	2888	Radin bin Yatam	Keluyoh, Sungai Liang.
13	52	Asenah bte Gadong	Rampayoh, Labi.	2808	2888	Nyanyah bte Atam	Keluyoh, Sungai Liang.
13	52	Shurmoh bte Gadong	Rampayoh, Labi.	2819	2899	Aman bin Sapor	Paya Lumpor, Ratan, Labi.
13	52	Omar bin Gadong	Bukit Sawat.	2820	2900	Mat Suhud bin Mail	Paya Lumpor, Ratan, Labi.
15	107	Gadin bin Dagang	Kuala Belait.	2825	2905	Haji Abdul Rahim bin Haji Md. Jafar	Sungai Liang Kechil.
19	30	Deris bin Wahab	Kuala Belait.	2825	2905	Abu Bakar bin Hj. Mahmud	Sungai Liang Kechil.
31	36	Matassan bin Burut	Kuala Belait.	2830	2910	Hj. Yusof bin Munjil	Sungai Tali, Seria.
68	94	Kandang bte Katong	Sungai Tanajor, Labi.	2835	2913	Abd. Rahman bin Hj. Osman	Sungai Teraban, Kuala Belait.
89	63	Bayang Anak Ningkan	Rampayoh, Labi.	2849	2923	Sarifah Murdiah	Sungai Teraban, Kuala Belait.
90	72	Bulan bte Ukai	Rampayoh, Labi.	2866	2939	Loo Khuan Fong	Jalan Bunga Raya, Kuala Belait.
90	72	Reput bte Garai	Rampayoh, Labi.	2884	2955	Loo Soon Hung	Kg. China, Kuala Belait.
102	34	Adam bin Gani	Kuala Belait.	2885	2956	Mdm Ong Ah Joo	Kg. China, Kuala Belait.
102	34	Radin bin Serudin	Kuala Belait.	2890	2961	Abd Rahman bin Abas	Kg. China, Kuala Belait.
102	34	Lewin bin Supin	Kuala Belait.	2896	2967	Salmah Zahrah bte Inche Awang	Kg. China, Kuala Belait.
135	88	Bujang bin Yusof	Lubok Tapang, Kuala Belait.	2899	2970	Lilylee Jung Ming	Kg. Tunggulian, Sungai Liang.
152	6	Jalani bin Haji Mokti	Labi.	2912	2981	Sabang bin Ningkau	Paya Mobil, Labi.
165	141	Nachi bte Panji	Kuala Belait.	2920	2986	Meriam bte Puasa	Ujong Daun, Kuala Belait.
189	98	Pg. Damit bin Pg. Sunggoh	Tanajor, Labi.	2921	2987	Libah bte Abu Bakar	Ujong Daun, Kuala Belait.
213	126	Samir bin O.K.S. Menteri	Kuala Belait.	2934	3000	Tan Ah Bek @ Tang Ng Bek	Kg. Tunggulian, Sungai Liang.
220	161	Tan Syn Thiong	Rampayoh, Labi.	2935	3001	Lim Hoi	Kg. Tunggulian, Sg. Liang.
244	430	Yusoff bin Suning	Lubok Tapang, Kuala Belait.	2935	3001	Ang Kui Hiang	Kg. Tunggulian, Sungai Liang.
253	188	Kalau bin Elek	Rampayoh, Labi.	2970	3011	Mohammad Noor bin Othman	Kuala Belait.
317	476	Teo Thiam Teck	Kuala Belait.	3003	3042	Munap bin Jarudin	Kg. Turunan, Labi.
317	476	Lim Ching	Kuala Belait.	3005	3044	Hamzah bin Ahmad	Pandan Kuala Belait.
340	368	Mainah bte Lias	Kuala Belait.	3010	3049	Lamit bin Bua	Simpang Labi.
354	411	Sunin bin Tusan	Kuala Belait.	3013	1104	Amit bin Mat Ajang	Kg. Kajiten, Kuala Belait.
354	347	Mat Nur bin Sandur	Kuala Belait.	3017	3054	Juhaili bin Mohamad	Kg. Sungai Teraban, Kuala Belait.
369	404	Kandong bte Luping	Kuala Belait.	3033	3069	Opak bin Bidang	Kg. Merangkings, Bukit Sawat.
437	414	Larai bin Jau	Kuala Belait.	3034	3070	Besi bin Batu	Kg. Merangkings, Bukit Sawat.
445	381	Balaleh bte Lidam	Kuala Belait.	3034	3070	Yamur bin Batu	Kg. Merangkings, Bukit Sawat.
448	383	Nyanyah bte Latif	Kuala Belait.	3046	3082	Mohd. Ali bin Omar	Kg. Sungai Teraban, Kuala Belait.
451	395	Jusan bin Hassan	Kuala Belait.	3047	3083	Masnab bte Abd. Rahman @ Masenah bte Raman	Kuala Belait.
490	473	Yusoff bin Suring	Ujong Daun, Kuala Belait.	3049	3085	Inchi bin Ah Seng	Kuala Belait.
511	488	Liah bte Galau	Labi.	3056	3092	Law Nyuk Hang	Kg. Tarawan, Labi.
512	485	Kuti bin Jili	Labi.	3066	3102	Akam Anak Matau	Sg. Benggarang, Sukang.
1181	1191	Esah bte Gamok	Sungai Damit, Kuala Belait.	3117	3135	Dk. Silvia @ Dk. Salbiah bte Pg. Haji Mahmud	Sungai Tali, Seria.
1208	1187	Adam bin Silot	Pangalayan, Kuala Belait.	3117	3135	Wee Keh Hin @ Saifulizan bin Abdullah	Sungai Tali, Seria.
2069	2069	Walter Douglas Wayne Boyd	Sungai Liang.	3134	3235	Teo Thiam Teck	Sungai Damit, Kuala Belait.
2072	2072	Chong Siew Chin @ Fatimah bte Abdullah	Sungai Liang.	3139	3289	Dyg Fatimah bte Abg. Razali	Sungai Kang Lumut, Liang.
2105	2105	Fatimah bte Badar	Labi.	3142	3245	Lai Kim Yun	Lubok Palam, Kuala Belait.
2272	2520	Sharuddin bin Adol	Ratan, Labi.	3147	3252	Gantar bin Gagut	Sukang.
2286	2286	Harris bin Alias	Kuala Belait.	3161	3279	Mohd. Tahir bin Wan Salleh	Sungai Dua, Kuala Belait.
2304	2304	Mohamad bin Jambol	Kuala Belait.	3163	3284	Mawat Anak Unting	Sg. Banggarang, Sukang.
2308	2308	Kipas bin Ramia	Sungai Liang.	3167	3285	Linggang Anak Ngadan	Sg. Banggarang, Sukang.
2320	2515	Arsad bin Abu Bakar	Sungai Ubar, Bukit Sawat.	3169	3299	Bandar bin Onchat	Sungai Kang Lumut, Liang.
2335	2336	Aidah bte Duraman	Labi.	3169	3299	Francis Ang	Sungai Kang Lumut, Liang.
2336	2516	Wong Shen	Badas, Sungai Liang.	3181	3289	Meriam bte Jeenoh	Sungai Kang Lumut, Liang.
				3184	3316	Mdm Winifred Lau @ Newn Shak Jin	Kg. China, Kuala Belait.
				3185	3311	Abd. Rahman	Kg. Pangalayan, Kuala Belait.
				3187	3310	Abas bin Lila	Kg. Sungai Tarap, Bukit Sawat.
				3190	190	Liew Nyuk Meng	Tarawan, Labi.
						Abdul Rani bin Ajak	Kg. Melayu, Seria.



Janakuasa elektrik turbin untuk Shell tiba

UNTUK beberapa minggu kebelakangan ini kita telah melihat banyak kegiatan berlaku di satu tempat di belakang logi tenaga BSP di Seria dalam persediaannya untuk kedatangan sebuah janakuasa elektrik turbin gas 16MW yang baru dibekalkan oleh GEC di UK. Unit ini mengandungi lima bungkusan yang berat dan ditambah lagi dengan beberapa barang-barang kecil

dan di mana berat barang ini telah menyebabkan beberapa masalah yang menarik.

Batu permukaan di mana peralatan itu didirikan dimestikan 1.2 meter tebal

melibatkan lebih dari 330m3 konkrit; yang mana jumlah untuk menuangkan konkrit terpaksa dibahagi dua. Penempatan yang pertama telah siap baru-baru ini dalam

operasi yang begitu cekap di antara YTK dan BSP.

Semua peralatan tersebut telah pun sampai di Muara baru-baru ini. Rancangan-rancangan pengangkutan yang rapi dan teliti telah dilakukan. Kapal itu "MV Hall Pilot" ialah sebuah kapal yang disewa khas separuhnya oleh BSP dan dilengkapi dengan kren-kren yang besar untuk mengangkat bungkusan-bungkusan itu terus ke tongkang kargo untuk dipindahkan ke gelangan ECO di Kuala Belait.

Bungkusan yang lebih berat iaitu janakuasa elektrik seberat 70 ton terpaksa dipunggah dengan menggunakan Iren-Kren Manitowok CPH yang besar bekerja secara beriringan. Untuk mengangkutnya ke Seria sebuah trailer khas yang mempunyai lima pasak roda dan pemindah prime akan digunakan; ini telah dipinjamkan kepada BSP oleh Lembaga Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

Bila sudah tiba di kawasan pembinaan, peralatan-peralatan itu akan dipasangkan oleh sepasukan dari GEC tetapi menggunakan tenaga kerja yang disediakan oleh SES dan Sahid Berhad.



PEKERJA-PEKERJA sibuk menyediakan tapak bagi janakuasa tersebut.

SKIM BANTU PEKERJA SHELL MILIKI RUMAH

SHELL BRUNEI kini telah mengimplementasikan satu skim memiliki rumah sendiri yang direka untuk menyediakan bantuan kewangan kepada pekerja-pekerja berpujian rakyat Brunei untuk mendapatkan dan menduduki rumah mereka sendiri semasa masih dalam perkhidmatan syarikat.


Rancangan tersebut juga akan menolong meringankan beban syarikat di dalam memberi pekerja-pekerjanya kemudahan perumahan yang disediakan.

Penasihat kakitangan di Jabatan Perubangan-Perhubungan dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

Kakitangan, Tuan So Green dalam satu temuramah dengan SALAM memberitahu yang pelancaran tersebut adalah satu kejayaan Syarikat itu.

Para pekerja yang ingin mengikuti skim tersebut walau bagaimanapun dikehendaki memenuhi beberapa syarat yang dikenakan. Mereka di antara lain mestilah rakyat Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam; sudah berkhidmat dengan syarikat selama tiga tahun yang termasuk tempoh percubaan dan masih mempunyai sekurang-kurangnya tempoh dua tahun perkhidmatan lagi dengan syarikat sebelum bersara.

